



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	7/12/2019	MUKA SURAT	:	59
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Bekalan air di 44 kawasan terjejas paras sungai merosot

Melaka: Sebanyak 44 kawasan di tiga daerah di negeri ini mengalami gangguan bekalan air ekoran purata hujan yang rendah di hulu Sungai Melaka, sekali gus mengakibatkan paras air sungai berada pada tahap tidak memuaskan.

Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) dalam satu kenyataan di laman sosial Facebooknya berkata, situasi itu mengakibatkan loji Air Sebukor mengurangkan operasi sebanyak 22 juta liter sehari (MLD), manakala Loji Air Bertam sebanyak 34 MLD.

"Kita sudah melepaskan air dari Empangan Durian Tunggul ke Sungai Melaka bagi memastikan paras Sungai Melaka lebih stabil jam 9.20 malam kelmarin dan operasi loji dijalankan seperti biasa pada jam 11.30 pagi tadi (semalam).

"Bantuan tangki air akan digerakkan ke kawasan yang terputus bekalan air melebihi 24 jam dan SAMB sedang giat menstabilkan semula kolam tadahan yang terjejas bagi memastikan bekalan air sampai ke setiap premis pengguna," kata kenyataan itu.

Bagi daerah Melaka Tengah, kawasan terjejas adalah Lorong Pandan, Kesidang, Kampung Lapan, Kota Laksamana, Semabok, Bachang, Batu Berendam, Taman Sayang Selasih, Limbongan, Klebang Besar, Ujong pasir (dijangka), Kandang, Padang Temu, Bukit Godek, Taman Seri Duyong, Taman Sri Duyong Seksyen 1, 2 dan 3, Taman Desa Duyong, Permatang Pasir, Bukit Lintang dan Alai.

Daerah Jasin pula membabitkan Kampung Jus, Selandar, Kampung Bukit Senggeh, Felda Bukit Komeng, Felda Sri Kemendor, Felda Air Kangkung, Taman Sri Kemendor, Kampung Sri Kesang, Jalan Selandar Permai, Taman Jus Perdana, Taman Selandar Indah, Taman Pelangi, Taman Sri Selandar, Taman Selandar Murni, Kampung Baru Selandar, Taman Bukit Senggeh, Institut Latihan Perindustrian Selandar dan Kolej Komuniti.

Sementara itu, bagi daerah Alor Gajah, kawasan terjejas adalah Bukit Bulat, Menggong, Melaka Pindah, Machap Umboo, Pengkalan dan Hutan Percha.

"Kami menghargai kerjasama pengguna sepanjang tempoh gangguan dan memohon maaf atas kesulitan dihadapi.

"Sebarang pertanyaan pengguna boleh berhubung terus dengan Pusat Khidmat Pelanggan SAMB yang beroperasi 24 jam di 15800 atau klik <https://klikni.my/PKPSAMB> untuk aduan dan pertanyaan melalui SMS/WhatsApp," katanya.